

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 APRIL 2016

Memorial Tun Ghafar Baba akan dinaik taraf

UM - 24/4/2016

MELAKA 23 April - Memorial Tun Abdul Ghafar Baba yang menyimpan pelbagai koleksi peribadi bekas Timbalan Perdana Menteri keenam, Allahyarham Tun Abdul Ghafar Baba akan dinaik taraf sebagai sebuah memorial yang sempurna untuk rujukan generasi akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau mahu memorial itu diselenggara dengan lebih baik bagi mengenang jasa pemimpin tersebut yang setia kepada parti sehingga ke akhir hayatnya.

"Kita buat memorial ini untuk Encik Ghafar, kalau tidak ada peruntukan saya akan tambah. Buatlah dengan sempurna Memorial Tun Abdul Ghafar Baba ini di tapak ini.

"Encik Ghafar merupakan pejuang UMNO yang sejati dan tulen dalam perjuangannya. Kita mesti jadikan kepimpinan beliau sebagai panduan kepada kita selama-lamanya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menghadiri majlis bacaan tahlil dan doa sempena 10 tahun pemergian Allahyarham Abdul Ghafar, di Memorial Tun Abdul Ghafar Baba di Bukit Peringgit di sini hari ini.

Memorial Tun Abdul Ghafar Baba yang dibuka secara rasmi pada 28 Februari 2006 terletak di rumah Allahyarham yang telah diubah suai ketika menjadi Ketua Menteri Melaka pada tahun 1959 hingga 1967.

Ruang pameran di memorial itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian bawah mempamerkan



MOHD. KHALIL YAAKOB dan Najib Tun Razak mendengar penerangan Datuk Mohd. Tamrin Tun Abdul Ghafar (kiri) mengenai perjalanan politik bapa beliau ketika melawat Memorial Tun Abdul Ghafar Baba di Bukit Peringgit, Melaka, semalam.

barangan peribadi Allahyarham semasa menjadi wakil rakyat, Ketua Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Pada ruang pameran tingkat atas pula terdapat dua bilik tidur yang pernah digunakan oleh keluarga Allahyarham Abdul Ghafar.

Selain itu terdapat barangan seperti cenderamata, ucapan, gambar, buku, televisyen dan perabot asal yang pernah digunakan oleh beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau sayu ketika membaca buku mengenai Allahyarham Abdul Ghafar yang menceritakan mengenai kepayahan hidupnya sewaktu kecil dan bergelar yatim piatu seawal usia lapan tahun.

"Saya dapat gambarkan keadaan dilalui beliau, permulaan hidupnya yang begitu terhimpit dengan kemiskinan tetapi kerana kaya dengan perjuangan dan

komitmen terhadap perjuangan membolehkan beliau menjadi Timbalan Perdana Menteri.

"Saya juga pernah mendengar ayat yang keluar daripada mulut ayahanda saya, Allahyarham Tun Abdul Razak yang mengatakan orang yang paling tahu dan bijak pasal politik adalah Encik Ghafar. Kalau ada apa-apa masalah sila rujuk kepada beliau iaitu Encik Ghafar," katanya.